

21/04/2003

Pas harus sokong semua dasar dilaksanakan BN

ALOR GAJAH: Semua pemimpin Pas harus menyokong bukan saja dasar luar Malaysia yang dilaksanakan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN), tetapi

juga dasar dalaman, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Beliau berkata, ini kerana segala dasar yang dilaksanakan pemimpin Umno

hari ini adalah mengikut ajaran Islam.

"Pemimpin Pas jangan sebahagian sokong sebahagian tidak. Sebenarnya apa

yang kita buat adalah untuk dunia dan akhirat.

"Malah, Hadi (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) sendiri mengakui Dr Mahathir

(Dr Mahathir Mohamad) melakukan tugas yang betul pada dasar luar Malaysia,

maka dasar dalaman sama jugalah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pemangku Presiden Pas, Abdul Hadi Awang kagum dengan ketegasan Dr Mahathir mempertahankan dasar luar Malaysia, malah beliau sanggup mempertahankan Perdana Menteri jika kuasa asing cuba mencampuri urusan dalaman negara ini.

Semalam, beliau dilaporkan kagum dengan keberanian Dr Mahathir menyuarakan penentangan terhadap Amerika Syarikat dan sanggup menolak bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebelum ini.

Ditanya kemungkinan kenyataan itu hanyalah permainan politik Abdul Hadi, Muhammad berkata, beliau menganggap kenyataan itu sebagai realiti yang disebut Pas.

Terdahulu, Muhammad merasmikan Persidangan Perwakilan Umno bahagian Alor

Gajah di Dewan Japerun Masjid Tanah, dekat sini.

Dalam ucapannya, Muhammad berkata, perpecahan dalam Umno adalah cabaran

ketiga yang harus ditangani ahlinya bagi memastikan parti memperoleh kemenangan besar pada pilihan raya akan datang.

Katanya, kemenangan Pas pada pilihan raya 1999 dengan merampas semula Kelantan dan Terengganu selain Parlimen Pendang bukan kerana Pas kuat, sebaliknya perpecahan di kalangan ahli Umno sendiri.

Sementara itu, ditanya dakwaan Abdul Hadi bahawa kemenangan BN adalah dengan undi atas pagar manakala Pas mempunyai kekuatan parti, Muhammad menafikan dan sebaliknya berkata, Pas akan menang jika 'rumah tangga' Umno

bergolak.

Malah, katanya, ini terbukti di beberapa kawasan yang kini dikuasai Pas

sebenarnya menghadapi krisis parti terutama dalam senario pilihan raya luar biasa pada 1999 apabila penyokong Umno berpecah selepas peristiwa penahanan Datuk Seri Dr Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya kini yakin masalah seumpama itu dapat diatasi terutama dalam pilihan raya di Gaya, Sabah yang menyaksikan sokongan pengundi terhadap Parti Keadilan juga merosot.

Berikutan itu, katanya, orang ramai kini kembali menyokong BN terutama tahun ini yang akan diperuntukkan sepenuhnya bagi membela semula pemikiran dan kesetiaan ahli Umno bagi memastikan kemenangan penuh pada pilihan raya akan datang.